

31 OCT 1998

Tajol-Ampun

TEMPOH PENGAMPUNAN PENDATANG TANPA IZIN DILANJUT 15 HARI

MELAKA, 31 Okt (Bernama) -- Program pengampunan pendatang tanpa izin yang berakhir hari ini dilanjutkan sehingga 15 Nov bagi membolehkan mereka yang masih terkandas berlepas pulang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata kelonggaran 15 hari itu diberikan atas dasar perikemanusiaan dan kerana kesesakan yang berlaku di beberapa pintu keluar.

"Kita berharap pendatang tanpa izin yang masih berada di negara ini mengambil kesempatan daripada kelonggaran itu," kata beliau pada persidangan media di sini malam ini selepas beliau bersama Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Datuk Aseh Che Mat meninjau kesesakan di Pelabuhan Melaka.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersetuju melanjutkan tempoh pengampunan itu sebelum ini telah mengarahkan tinjauan dibuat terhadap kesesakan yang berlaku sejak beberapa hari lepas.

Pengampunan yang diumumkan bermula pada 31 Ogos lalu sepatutnya berakhir malam ini.

Tajol berkata tempoh kelonggaran yang diberikan itu adalah muktamad, "tiada tempoh lanjut lagi akanm diberikan dan kita berharap pendatang tanpa izin menambil peluang ini,"

Tajol berkata sejak 31 Ogos sehingga semalam, sebanyak 141,806 pendatang tanpa izin telah berlepas balik.

Sebahagian besar iaitu seramai 123,548 orang adalah rakyat Indonesia, diikuti rakyat Bangladesh seramai 8,937 orang dan 3,191 rakyat India, 2,662 rakyat Filipina dan 1,049 rakyat Myanmar.

Tajol juga berkata sambutan pendatang tanpa izin terhadap program pengampunan itu adalah diluar jangkaan kerana pada awalnya hanya kira-kira 50,000 dipercayai akan berlepas balik.

Sebahagian besar telah berlepas balik dalam tempoh beberapa hari lalu menyebabkan kesesakan di beberapa pintu keluar terutama di sini, Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), katanya.

Beliau berkata tinjauan yang dibuat mendapati tiket penerbangan dan feri di beberapa pintu keluar yang menjadi tumpuan telah habis dan hanya boleh diperolehi bagi tempoh dua minggu akan datang.

"Selepas tamat tempoh kelonggaran, kerajaan akan mengambil tindakan dan mana-mana pekerja asing, majikan dan orang ramai yang melakukan kesalahan Imigresen akan dikenakan tindakan,"

Sementara itu, Tajol memberi amaran kepada pengusaha feri di beberapa pintu keluar supaya tidak menjual tiket kosong tanpa tarikh kepada pendatang tanpa izin.

"Penjualan tiket kosong tanpa tarikh itu menimbulkan kesesakan kerana penumpang dibenarkan menaiki feri secara siapa dulu dia dapat,"

Katanya, antara 3,000 hingga 4,000 pendatang tanpa izin Indonesia masih menunggu feri di Pelabuhan Klang dan di sini malam ini.

-- BERNAMA

MOZ FAZ